

Galas tugas suami koma

■ 38 ibu tunggal terima
bantuan AIM, Cagamas Berhad

Ayusliza Azizan
hmetroshahalam
@hmetro.com.my

Shah Alam

"Suami masih ter-
lantar koma jadi
saya menggalas
sepenuhnya tanggungjawab
mencari nafkah dan mem-
besarkan semua anak," kata
Mastura Mohd Ramly, iaitu
antara 38 penerima bantuan
hasil kerjasama strategik an-

tara Amanah Ikhtiar
Malaysia (AIM) dan
Cagamas Bhd, kel-
marin.

Mastura, 50,
yang menjual na-
si lemak sejak tu-
juh tahun lalu ki-
ni mula mengem-
bangkan perniaga-
annya dengan mem-
buat biskut dan kate-
ring.

Menurutnya, dia bangkit
berusaha mencari rezeki se-
lepas suaminya koma akibat

FAKTA
Kerjasama kali kedua
itu dilaksanakan
dengan AIM dan nilai
agihan CSR berjumlah
RM49,852

terjatuh dan
empat
anaknya
masih berse-
kolah.
"Selepas terlin-
tas idea untuk berniaga, saya
mendapatkan bantuan ke-
wangan daripada AIM. Ber-
modalkan wang itu, saya

mula mengembangkan per-
niagaan yang dijalankan se-
hingga kini," katanya.

Dia menerima set peralat-
an bufet dan dapur pada
Majlis Serahan Bantuan Ibu
Tunggal Sumbangan Tang-
gungjawab Sosial Korporat
(CSR) AIM dan Cagamas
2016, di sini.

Hadir sama, Pengerusi Ek-
sekutif AIM Datuk Dr Zubir
Harun dan Ketua Pegawai
Eksekutif Cagamas Bhd Da-
tuk Chung Chee Leong.

Sementara itu, Chung ber-
kata, kerjasama itu sudah
kali kedua dilaksanakan de-
ngan AIM dan nilai agihan
CSR berjumlah RM49,852 ta-

hun ini.

"Sumbangan yang diberi-
kan membabitkan alatan
perniagaan seperti mesin ja-
hit, mesin rumput dan pe-
riuk nasi yang dapat me-
ningkatkan prestasi perni-
gaan sekali gus menjana
sumber pendapatan keluar-
ga," katanya.



Dr Zubir (tiga kiri berdiri belakang) dan Chung (lima kanan berdiri belakang) bersama ibu tunggal di Majlis Serahan Bantuan Ibu Tunggal di Hotel Carlton Shah Alam.